



Tatakelakuan

Halton

Enabling Wellbeing

Tatakelakuan Halton

Kumpulan Halton ("Halton") memberi pengkhususan kepada produk, perkhidmatan dan penyelesaian suhu dalam bangunan. Matlamat Halton ialah mewujudkan persekitaran dalam bangunan yang selesa dan selamat dengan kitaran hayat yang cekap tenaga dan mapan.

Kita menasarkan untuk mengembang dan menjalankan perniagaan jangka panjang yang menguntungkan secara bertanggungjawab. Memandangkan kita beroperasi di pasaran antarabangsa, kita turut mengambil kira tentang perjanjian, komitmen dan saranan antarabangsa yang berkaitan dengan operasi kita. Antara yang paling penting ialah:

- Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat PBB;
- Garis Panduan untuk Perusahaan Multinasional OECD;
- Deklarasi tentang Prinsip dan Hak Asasi Di Tempat Kerja ILO dan Konvensyen ILO lain yang berkaitan.

Kita menyetujui inisiatif strategik Kompak Global Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai amalan perniagaan yang mapan dan menyokong Sepuluh Prinsip Kompak Global yang didorong oleh isu-isu hak asasi manusia, tenaga kerja, persekitaran dan anti-rasauh.

Tatakelakuan ("Kod") ini menyatakan tentang prinsip dan amalan paling penting yang menjadi panduan kepada Halton dan para pekerjanya dalam segala tindak-tanduk mereka. Oleh kerana Halton bergantung kepada kelakuan para pekerjanya, setiap pekerja Halton diharap supaya mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Kod ini, tidak seorang pun terkecuali.

Rakan niaga Halton dituntut supaya menyetujui prinsip Kod ini sebagai sebahagian daripada hubungan kontraktual mereka dengan Halton. Kita mempunyai Tatakelakuan Pembekal yang berasingan di mana pembekal dan subkontraktor kita dituntut supaya mencapai standard dan keperluan yang dinyatakan di dalam Tatakelakuan Pembekal.

Kod ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Halton pada 14hb Disember, 2016.



1. Mematuhi Undang-undang

Kita mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang terpakai di negara-negara kita menjalankan operasi. Jika terdapat perbezaan di antara undang-undang, peraturan, budaya atau kebiasaan dengan Kod ini, Halton akan cuba menerapkan pilihan yang meletakkan standard tertinggi. Di samping norma perundangan rasmi berikut, kita tidak akan bertolak ansur untuk bertindak secara bertanggungjawab. Kita bercita-cita untuk menjadi warga korporat yang baik, jadi biarlah komitmen kita terhadap integriti dibuktikan melalui segala tindak-tanduk kita. Setiap seorang daripada kita mengetahui undangundang, peraturan dan perjanjian yang melibatkan kerja sendiri. Penyelia bertanggungjawab ke atas latihan yang diperlukan dan untuk memantau pematuhan.

2. Hak Asasi Manusia

Kita menghormati hak asasi manusia sebagaimana yang tertakrif di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat Bangsa-Bangsa Bersatu dan berusaha menggalakkannya dalam kelakuan serta amalan kita. Secara khususnya, kita mengekang sebarang bentuk penggunaan tenaga kerja paksa atau kanak-kanak dan mendesak perkara yang sama daripada rakan niaga kita. Kita menyetujui Deklarasi Pertubuhan Buruh Antarabangsa tentang Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja.

3. Pekerja

Kita menghargai inovasi dan sifat ingin tahu serta menggalakkan pembangunan peribadi dan profesional para pekerja kita. Kita mengiktiraf nilai kepelbagaian dan tidak menerima sebarang bentuk diskriminasi, gangguan atau tingkah laku lain yang menyenggung atau tidak sopan daripada atau terhadap pekerja kita. Kita komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan menuntut perkara yang sama daripada rakan niaga kita.

4. Anti-RasuaH

Kita mengekalkan pendekatan toleransi sifar terhadap segala bentuk rasuaH dan mematuhi undang-undang anti rasuaH yang terpakai di negara-negara kita menjalankan operasi. Reputasi kita selaku syarikat yang jujur dan berwibawa menjadi perkara yang paling kita utamakan, dan setiap pekerja diharapkan supaya melindungi reputasi ini. Nilai kewangan sesuatu hadiah, keraian atau jenis layanan baik lain yang ditawarkan kepada klien atau rakan niaga, atau diterima oleh para pekerja Halton, mestilah munasabah dan sesuai mengikut keadaan. Membuat sebarang tawaran kepada pegawai awam atau rakan niaga lain dengan niat untuk mempengaruhi keputusan mereka secara tidak wajar adalah dilarang sama sekali. Kita tidak menyokong mana-mana parti, pertubuhan atau calon politik. Panduan pekerja yang lebih terperinci diberikan di dalam dokumen "Cara Halton".

5. Penggunaan Dana dan Aset Halton

Dana dan aset Halton boleh digunakan untuk kebaikan Halton sahaja, dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar. Para pekerja mesti mengelak dan melaporkan kejadian atau keadaan di mana kepentingan peribadi mereka mungkin bercanggah secara langsung atau tidak langsung dengan kepentingan Halton. Senario sedemikian boleh merangkumi situasi di mana pekerja Halton memegang kepentingan kewangan di dalam entiti pesaing atau dengan rakan niaga.

6. Persaingan


Kita mengiktiraf kepentingan persaingan sihat di dalam pasaran dan menggalakkan persaingan yang adil di seluruh dunia. Kita mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang melibatkan persaingan dan menjangkakan perkara yang sama daripada pesaing atau rakan niaga kita. Amalan perniagaan yang kita tolak termasuklah menyertai kartel, menyalahgunakan kedudukan dominan seseorang di dalam pasaran dan menetapkan harga bersama pesaing.

7. Persekitaran

Pelaburan dan komitmen kita terhadap amalan perniagaan yang mapan membuktikan citacita kita untuk menjadi warga korporat yang baik. Persekitaran menjadi pemegang kepentingan utama bagi kita, dan kita mematuhi segala standard persekitaran antarabangsa yang diterima secara umum dan sentiasa berusaha untuk mengatasi standard tersebut. Di samping itu, kita sentiasa berusaha untuk memasukkan elemen kemapanan dalam produk dan perkhidmatan kita.

8. Pelaksanaan dan Pemantauan

Kita melaksanakan Kod ini dengan melatih para pekerja kita dan menuntut pengakuan berkala mereka untuk mematuhi Kod ini. Seterusnya, pematuhan Kod ini dipantau secara berterusan oleh ketua kawasan / rantau perniagaan dan penyelia terdekat. Jika manamana pekerja Halton menyedari atau mengesyaki sesuatu yang melanggar Kod ini, mereka dikehendaki melaporkan kebimbangan itu sama ada kepada pengurusan unit mereka atau menerusi saluran komunikasi dalaman ([Halton Fair Play Forum](#)) yang menjamin ketanpanamaan. Pelanggaran Kod ini akan membawa kepada tindakan pembetulan yang sesuai, sehingga dan termasuk penamatian kerja atau hubungan perniagaan.



Halton

Enabling Wellbeing